

SOALAN NO. 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN HAJI AHMAD LAI
BIN BUJANG [SIBUTI]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan untuk meluaskan Program PERMATA bagi kanak-kanak Autisme di kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sarawak dan adakah pihak Kerajaan bercadang mewujudkan Pusat PERMATA kurnia di bandaraya Miri.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat PERMATA Kurnia di bawah Bahagian PERMATA menyediakan perkhidmatan intervensi dan pendidikan awal untuk kanak-kanak autisme merangkumi perkhidmatan pra sekolah, intervensi awal serta pendidikan komuniti. Pusat ini mula beroperasi pada Disember 2015 dan boleh menampung seramai 300 orang kanak-kanak autisme.

Memandangkan ada keperluan untuk memperluaskan Program PERMATA Kurnia di luar Lembah Klang, Bahagian PERMATA bercadang akan menubuhkan dua (2) buah Pusat PERMATA Kurnia baharu iaitu di kawasan utara dan selatan Semenanjung Malaysia.

Buat masa ini, penubuhan Pusat PERMATA Kurnia dimana-mana kawasan adalah mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (46)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2016
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]**

SOALAN :-

**Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang
dilaksanakan bagi mengekang kenaikan terlalu tinggi harga rumah dan
dasar yang diperkenalkan khususnya dalam Dasar Perumahan Negara
untuk fasa berikutnya bagi tujuan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam usaha menangani isu kenaikan harga rumah, telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- a) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;
- b) Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM 1 Juta seunit;
- c) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat / insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- d) Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan Developer Interest Bearing Scheme (DIBS) yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan memanipulasi pembeli rumah;
- e) Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat;

- f) Mengeluarkan panduan mengenai Loan To Value (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksima 70% sahaja. Selebihnya perlu ditanggung sendiri;
- g) Menetapkan harga siling bagi jualan RMM kepada RM300,000 seunit sebagai panduan kepada pembeli dan semua pihak yang terlibat dalam sektor perumahan negara;
- h) Meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran melalui penyediaan perumahan awam dalam Program 1 Juta RMM menjelang tahun 2018. Langkah ini dapat memberi lebih banyak pilihan kepada pembeli untuk mencari rumah yang bersesuaian dengan tahap kemampuan masing-masing selain daripada rumah yang disediakan oleh pihak pemaju swasta;
- i) Memperkenalkan pelbagai skim pembiayaan bagi memudahkan pemilikan rumah, khususnya RMM, seperti Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit), Skim Rumah Pertamaku (SRP), Skim Perumahan Belia (SPB) dan lain-lain lagi dan
- j) Mewujudkan mekanisme penjualan terhadap RMM berharga di bawah RM300,000 seunit kepada pembeli rumah pertama.

Dasar Perumahan Negara (DRN) versi 2018-2022 akan menilai semula dasar, strategi dan pelan tindakan sedia ada, di samping mengambil kira isu-isu, keperluan, tren, halangan, tekanan dan unjuran masa hadapan berkaitan perumahan di Malaysia khususnya yang melibatkan rakyat umum. Kerajaan berharap kajian semula ini akan dapat membantu menambahbaik DRN sedia ada dan merangka strategi perumahan yang mampan dan inklusif termasuk usaha-usaha menangani isu kenaikan harga rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016